



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/04/27 (HQ)

### JMFR KEMBALI GEGAR PERAK

Lebih 1,000 peserta dari dalam dan luar negara mengambil bahagian dalam Janamanjung Fellowship Ride 2017, anjuran anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB), TNB Janamanjung Sdn. Bhd. (TNBJ), hari ini.

Bertujuan mempromosikan daerah-daerah menarik di negeri Perak, JMFR 2017 adalah anjuran kali yang ke-10 sejak jelajah berbasikal ini diperkenalkan pada tahun 2008. Ia mula menjadi acara tahunan negeri Perak tiga tahun lalu.

“Buat pertama kali, JMFR tahun ini diadakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Manjung. Kali ini, kayuhan diadakan di luar kawasan sebagai tanda sokongan terhadap Tahun Melawat Perak, sekali gus mempromosikan Teluk Batik sebagai tarikan pelancong ke daerah Manjung,” kata Pengarah Urusan TNB Janamanjung Sdn Bhd (TNBJ), Datuk Shamsul Ahmad.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Komunikasi dan Multimedia Perak, Dato’ Nolee Ashilin Dato’ Mohammed Radzi bersama Pengurusan Tertinggi TNB diwakili oleh Naib Presiden (Penjanaan) Datuk Zainudin Ibrahim, melepaskan para peserta di Taman Awam, Teluk Batik, Lumut, sebelum mereka meneruskan kayuhan sejauh 110 km melalui Pantai Remis, Beruas dan Ayer Tawar.

Bertemakan ‘Better Environment, Brighter Future’, penganjuran JMFR 2017 juga selari dengan hasrat TNB dalam memulihara alam sekitar demi masa hadapan yang lestari.

Ia juga selaras dengan objektif TNB dalam melahirkan warga kerja yang sihat, bertenaga dan vibrant bagi membantu syarikat menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, JMFR turut merancakkan aktiviti ekonomi setempat apabila hotel-hotel di sekitar Manjung habis ditempah oleh pengunjung yang turut mengambil peluang untuk membeli-belah hasil laut tempatan.

Sempena JMFR 2017 juga, sumbangan sebanyak RM2,000 diserahkan masing-masing kepada Dewan Bakar Bata, Dewan Kampung Matang Acheh dan Surau Alirsyadiah Kampung Matang Acheh yang terletak di sepanjang laluan kayuhan sebagai sebahagian aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada masyarakat.

**Dikeluarkan di Lumut, Perak pada jam 7.30 pagi, 30 April 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*